



### KENYATAAN TENDER

1. Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor / Pembekal yang berdaftar dengan **Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ)** dalam **Kategori** dan **Jenis Pendaftaran** yang berkaitan serta mempunyai tempoh pendaftaran yang sah untuk membuat tawaran buat masa ini bagi bekalan dan perkhidmatan berikut:

No. Ruj. Tender	Tajuk Tender	Kategori, Kepala & Sub- Kepala	Jenis Tawaran	Yuran Dokumen (RM)	Tarikh dan Masa Bagi Taklimat dan Lawatan Tapak	Tarikh Tutup Pengambilan / Penjualan Dokumen Tender	Tarikh Tutup Dan Masa Penyerahan Dokumen Tender
T/SSC/01/2024	PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN (TANPA SENJATA API) DI KOMPLEKS SUKAN SARAWAK DI (ZON UTARA) MIRI, BARAM, LIMBANG, BINTULU DAN BELAGA UNTUK DUA (2) TAHUN [2024-2026]	UPIKJ: BEKALAN DAN PERKHIDMATAN Kategori A atau B atau C Kepala VI Sub-Kepala 6(b)	TERBUKA	DIBAYAR DALAM BENTUK BANK DERAF/TUNAI/ E-WALLET SPAY GLOBAL ATAS NAMA "PERBADANAN SUKAN SARAWAK" RM100.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)	25 JANUARI 2024 9.00 PAGI STADIUM TERBUKA MIRI	07 FEBRUARI 2024	08 FEBRUARI 2024  12.00 TENGAH HARI

2. Hanya penender yang menghadiri Taklimat Tender & Lawatan Tapak sahaja yang dibenarkan untuk membeli Dokumen Tender. Dokumen Tender hanya akan dijual kepada pemilik atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pemilik / Rakan Kongsi / Pengarah Syarikat. Pemilik atau wakilnya hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL UNIT PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN JURUPERUNDING (UPKJ), SIJIL ASAL PENGIKTIRAFAN STATUS BUMIPUTERA** (jika berkenaan), **COP RASMI SYARIKAT dan SURAT PERWAKILAN KUASA** (jika berkenaan) sebelum dokumen tender dijual kepada kontraktor yang layak.
3. Bayaran Dokumen Tender hendaklah dibayar dalam **Draf Bank/Tunai/ E-Wallet Spay Global (Miri sahaja) yang dibayar atas nama "PERBADANAN SUKAN SARAWAK"**.
4. Contoh Dokumen Tender (*Dokumen Meja Tender*) boleh disemak dan Dokumen Tender boleh diperolehi mulai **25 Januari 2024** hingga **07 Februari 2024** pada waktu pejabat di alamat **Unit Akaun, Aras Bawah, Pusat Akuatik Pandelega Rinong, Jalan Stadium, Petra Jaya, 93050, Kuching, Sarawak** atau **d/a Pejabat Zon Utara, Stadium Terbuka Miri**.

5. Penender adalah dihendaki untuk mengemukakan dokumen tender lebih awal dari tarikh dan masa tutup yang ditetapkan untuk mengelakkan kesukaran dan kesulitan semasa berurusan untuk mengemukakan dokumen tender pada hari tender ditutup.
6. Ini adalah berikutan arahan atau peraturan khusus yang perlu dipatuhi oleh pelawat sebelum memasuki premis kerajaan dan bagi memastikan petender sebelum tarikh dan masa tutup tender.
7. Perbadanan Sukan Sarawak tidak akan bertanggungjawab sekiranya petender lewat untuk mengemukakan dokumen tender pada masa dan tarikh yang ditetapkan disebabkan arahan atau peraturan khusus yang perlu dipatuhi sebelum memasuki premis kerajaan. Dokumen Tender hendaklah dimasukkan sendiri oleh Pemilik / Wakil Syarikat /Firma ke dalam Peti Tawaran dengan menggunakan **sampul berlakri** serta mempunyai catatan **Nombor Rujukan Tender** dan **Tajuk Tender**. Dokumen Tender hendaklah diserahkan selewat-lewatnya **jam 12.00 tengahari** pada tarikh tutup di alamat seperti di bawah:-

**Pengerusi**  
**Jawatankuasa Tender, Kewangan dan Pelaburan**  
**c/o Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif,**  
**Tingkat 2, Stadium Sarawak, Jalan Stadium**  
**93050 Kuching**  
**Sarawak**

8. Dokumen Tender yang diterima selepas tarikh dan masa tutup tidak akan dipertimbangkan.
9. Perbadanan Sukan Sarawak tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tersebut.

**"BERSATU, BERUSAHA, BERBAKTI"**  
**"AN HONOUR TO SERVE"**

**AWANG PUTRAYUSRI BIN HAJI AWANG REDZUAN**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Perbadanan Sukan Sarawak

\*Jika terdapat sebarang pertanyaan, sila berhubung dengan Sekretariat Perolehan ditalian 082-449395 atau 082-510163